

**SOSIALISASI DAN KAWALAN SOSIAL DALAM KEHIDUPAN REMAJA
BERISIKO: KAJIAN KES DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SRI
PAHANG, BANGSAR DAN SRI PANTAI, LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR**

ISMAHALIL BIN ISHAK

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**SOSIALISASI DAN KAWALAN SOSIAL DALAM KEHIDUPAN REMAJA
BERISIKO: KAJIAN KES DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SRI
PAHANG, BANGSAR DAN SRI PANTAI, LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR**

ISMAHALIL BIN ISHAK

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS SOSIAL ANTROPOLOGI
DAN SOSIOLOGI

PUSAT PENGAJIAN SOSIAL, PEMBANGUNAN DAN PERSEKITARAN
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2015

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada sekumpulan remaja yang dikategorikan sebagai remaja berisiko di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan bandar. Tujuan kajian adalah bagi mengenal pasti dan memahami corak kehidupan remaja berisiko yang merangkumi penglibatan mereka dalam tingkah laku devian, peranan agen sosialisasi dan bentuk kawalan sosial dalam kehidupan remaja berisiko. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta. Seramai 10 orang remaja terdiri daripada enam orang lelaki dan empat orang perempuan berumur di antara 16 hingga 22 tahun daripada PPR Sri Pahang, Bangsar dan PPR Sri Pantai, Lembah Pantai telah terpilih secara bertujuan. Data yang diperoleh dianalisis mengikut tema-tema tertentu yang relevan dengan tujuan kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan faktor persekitaran fizikal bukan sahaja menjadi penyumbang kepada lahirnya remaja berisiko, malahan terdapat faktor sosial yang turut sama meletakkan remaja di PPR sebagai berisiko iaitu peranan agen sosialisasi dan kawalan sosial. Kajian mendapati kehidupan di bandar dan keperluan untuk memenuhi tuntutan kehidupan telah menjadikan corak kehidupan remaja di PPR bertambah berisiko dan terdedah dengan perkara-perkara negatif. Remaja berisiko ini turut terlibat dengan tingkah laku devian seperti penyalahgunaan bahan, salah laku seksual, aktiviti mat rempit, melanggar peraturan sekolah dan lepak sehingga lewat malam. Peranan agen sosialisasi dalam kehidupan remaja berisiko terutama agen sosialisasi keluarga didapati kurang efektif. Dapatan kajian turut menunjukkan keadaan yang tidak efektif ini berlaku kepada agen sosialisasi remaja berisiko yang lain iaitu pengaruh rakan sebaya yang kuat, pandangan yang negatif terhadap sekolah, hubungan kejiwaan yang renggang dan pengaruh media massa yang banyak membantu remaja berisiko mendapatkan maklumat yang negatif. Kajian menunjukkan bentuk kawalan sosial remaja berisiko ini mempunyai kawalan sosial dalaman yang lemah iaitu kegagalan untuk menahan diri daripada terlibat dengan tingkah laku devian dan juga mempunyai kawalan sosial luaran yang longgar oleh institusi keluarga iaitu pemantauan ibu bapa ke atas aktiviti anak yang rendah, ketiadaan peraturan dalam keluarga yang jelas dan kurang memberikan didikan agama kepada anak. Kesemua elemen ini menjadi aspek penting di dalam memahami kehidupan remaja berisiko di PPR.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI ILUSTRASI		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	1
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	6
1.7	Definisi Konsep	
	1.7.1 Remaja Berisiko	7
	1.7.2 Tingkah Laku Devian	9
	1.7.3 Sosialisasi	11
	1.7.4 Kawalan Sosial	12
1.8	Sorotan Karya	13
1.9	Kaedah Kajian	
	1.9.1 Reka Bentuk Kajian	18
	1.9.2 Kawasan Kajian	19
	1.9.3 Pemilihan Informan dan Unit Analisis	21

	1.9.4	Kaedah Pengumpulan Data dan Kerja Lapangan	22
	1.9.5	Kaedah Penganalisan Data	23
1.10		Kepentingan Kajian	23
1.11		Rumusan	24
BAB II		PERSEKITARAN REMAJA BERISIKO DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)	
2.1		Pengenalan	25
2.2		Projek Perumahan Rakyat (PPR): Inisiatif Kerajaan Untuk Masyarakat Bandar	25
2.3		Latar Belakang Kependudukan PPR Sri Pahang Dan PPR Sri Pantai	29
2.4		Persekitaran Kehidupan Remaja Berisiko Di PPR	35
2.5		Rumusan	38
BAB III		LATAR BELAKANG REMAJA BERISIKO DAN KELUARGA	
3.1		Pendahuluan	39
3.2		Profil Dan Status Sosioekonomi Informan	39
3.3		Rumusan	52
BAB IV		TINGKAH LAKU DEVIAN, SOSIALISASI DAN KAWALAN SOSIAL DALAM KEHIDUPAN REMAJA BERISIKO	
4.1		Pendahuluan	53
4.2		Kehidupan Remaja Berisiko Di PPR	53
	4.2.1	Corak Kehidupan Remaja Berisiko di PPR	54
	4.2.2	Penglibatan Remaja Berisiko Di PPR Dalam Tingkah Laku Devian	58

4.3	Peranan Agen Sosialisasi Dalam Persekitaran Remaja Berisiko	67
	4.3.1 Agen Sosialisasi: Keluarga	67
	4.3.2 Agen Sosialisasi: Rakan Sebaya	71
	4.3.3 Agen Sosialisasi: Sekolah	74
	4.3.4 Agen Sosialisasi: Kejranaan	77
	4.3.5 Agen Sosialisasi: Media Massa	78
4.4	Kawalan Sosial Dalam Kehidupan Remaja Berisiko	80
	4.4.1 Kawalan Sosial Dalaman	81
	4.4.2 Kawalan Sosial Luaran	82
4.5	Rumusan	86
BAB VI	KESIMPULAN	87
	RUJUKAN	97
	LAMPIRAN	
A	Panduan Soal Selidik	104